

19 OCT 1996

Turki-Buku

WARGA TURKI YANG DIBEBASKAN AKAN MENULIS BUKU MENGENAI PENGALAMANNYA

IPOH, 19 Okt (Bernama) -- Warga Turki Olmez Orhan, 40, yang dilepaskan oleh Mahkamah Tinggi di sini bersama rakan senegaranya Kocaslan Hidayet, 28, daripada tuduhan membunuh seorang rakyat Kanada di Tapah dua tahun lepas akan menyiapkan sebuah buku mengenai pengalamannya semasa perbicaraan.

Beliau berkata, beliau mula menulis buku itu sejak siasatan awal kes pembunuhan yang bermula awal tahun lepas.

"Hanya tinggal beberapa muka lagi untuk ditambah sebelum saya menamatkan buku itu," kata beliau kepada pemberita selepas dibebaskan.

Kedua-dua mereka dibebaskan selepas Hakim Datuk P.S. Gill mendapati pihak pendakwa gagal membuktikan prime facie terhadap kedua-dua tertuduh itu atas tuduhan membunuh bekas juruterbang Tentera Udara Kanada, John Gatley dekat Tapah Road, di Tapah pada Februari 1994.

"Perkara pertama yang saya mahu buat ialah berterima kasih kepada Allah, saya akan berlepas ke Melbourne, Australia tidak lama lagi untuk bersama dengan isteri dan tiga orang anak berumur antara 11 dan 14 tahun," kata beliau.

Sementara itu, Hidayet yang masih bujang akan bertolak ke kampung halamannya di Ankara, Turki selepas Kedutaan Turki di Kuala Lumpur menyiapkan dokumen dan pasportnya yang telah luput.

Orhan mengucapkan terima kasih kepada setiap orang yang terlibat dalam siasatan kes itu termasuk pegawai penyiasat, Ketua Inspektor Abdul Ghani Che Mat, peguam-peguam dan pemberita-pemberita dan berkata perbicaraan yang dijalankan adalah adil.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menggunakan undang-undang secara adil tanpa mengira rakyat tempatan atau asing. --

BERNAMA

LAT PR